

06/03/2005

Mangsa tsunami di pedalaman Aceh masih perlukan bantuan asas

LANGKAWI: Mangsa tsunami di Aceh, Indonesia, yang tinggal di pedalaman masih hidup dalam kedaifan dan memerlukan bantuan berterusan daripada pelbagai pihak terutama makanan, pakaian dan peralatan sekolah untuk kanak-kanak.

Kehidupan mangsa di kawasan pedalaman yang terletak lebih 50 kilometer dari Banda Aceh seperti Paro, Krueng Kala, Birik, Baroh, Krueng, Sengkomelak dan Kareu masih daif walaupun bencana itu sudah dua bulan berlalu.

Tinjauan Berita Minggu mendapati penduduk di kawasan berkenaan masih hidup di dalam khemah kecuali di penempatan Krueng Kala yang agak tersusun selepas penduduk mendirikan semula rumah menggunakan sisa runtuhannya lama.

Sebahagian pelajar pula ke sekolah tanpa kasut atau pakaian seragam.

Wakil Sekretariat Desa Krueng Kala, Yusni Is, berkata ketua keluarga di penempatan itu masih tidak dapat mencari nafkah kerana sawah dan bot nelayan musnah akibat kejadian itu.

"Penduduk masih bergantung sepenuhnya kepada bantuan makanan. Kami juga masih memikirkan cara memulihkan sawah atau meneroka kawasan baru untuk bertani," katanya.

Kawasan penempatan Krueng Kala di kaki bukit menempatkan 186 keluarga yang terdiri daripada mangsa tsunami dari Desa Turong, Baroh dan Krueng. Seperti kawasan lain, ketiga-tiga kampung itu 'hilang' selepas dilanda tsunami.

Krueng Kala menerima bantuan dari pusat agihan dengan agak terhad apabila jalan utama untuk ke situ musnah manakala laluan alternatif yang dibina di atas tapak tragedi terlalu becak.

Kawasan berkenaan dan sekitarnya juga masih tidak mempunyai bekalan air bersih, elektrik dan kemudahan komunikasi. Penduduk menggunakan enjin kecil sebagai jana kuasa atau berkongsi dengan jana kuasa milik tentera yang beroperasi di antara jam 7 malam dan 2 pagi.

Umumnya, beribu-ribu penduduk di kawasan berkenaan termasuk kira-kira lebih 40 anak yatim, kini berhadapan dengan isu pembangunan semula terutama pemulihan punca nafkah dan pendidikan.

SSukarelawan dan dermawan dari Malaysia tiba di kawasan berkenaan Khamis lalu untuk mengagihkan bantuan makanan, pakaian dan ubat-ubatan menggunakan feri Fortune Exspress 2 milik JMV Ferry Services Sdn Bhd yang disewa khas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

(END) Source : Berita Harian